

**PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM NEGERI SELANGOR  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) (PINDAAN) 2006**

**KEWAJIPAN MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN**

Peraturan 3A:

- (1) Seseorang pegawai hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini.
- (2) Pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini oleh seseorang pegawai boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan ini.

**HUKUMAN TATATERTIB**

Jenis Hukuman Tatatertib yang boleh dikenakan terhadap Penjawat Awam yang melakukan kesalahan Tatatertib berdasarkan Peraturan 38:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Tindakan Tatatertib</b>	<b>Kesan ke atas perkhidmatan pegawai</b>
1.	Amaran	Suatu bentuk peringatan bagi mengingatkan pegawai hukuman yang lebih berat akan dikenakan sekiranya mengulangi kesalahan
2.	Denda	Had denda tidak boleh melebihi tujuh (7) hari emolumen
3.	Lucut Hak Emolumen	Tiada had, sesuai dengan kesalahan Tidak Hadir Bertugas
4.	Tanggung Pergerakan Gaji	Boleh dikenakan bagi tempoh tiga (3), enam (6), sembilan (9) atau 12 bulan Tarikh pergerakan gaji berubah kepada tarikh berikutnya selepas habis tempoh hukuman
5.	Turun Gaji	Tidak melebihi tiga (3) pergerakan gaji antara 12 bulan hingga 36 bulan Tarikh pergerakan gaji berubah kepada tarikh berikutnya selepas habis tempoh hukuman
6.	Turun Pangkat	Tidak terhad Tertakluk kepada Skim Perkhidmatan yang sama dan Kumpulan yang sama
7.	Buang Kerja	Dikeluarkan dari perkhidmatan awam

Pihak Berkuasa Tatatertib boleh mengenakan salah satu hukuman yang berkenaan atau kombinasi dua (2) atau lebih hukuman.